

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 08 / 04 / 2008

Penimbang tara perlu bebas – Abdullah

um - 8/4/2008

KUALA LUMPUR 7 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, penimbang tara perlu bebas, boleh dipercayai dan boleh diharap dalam menyelesaikan sesuatu pertikaian sekali gus menjadi pelengkap kepada sistem kehakiman yang sempurna.

Perdana Menteri berkata, ini kerana peranan penimbang tara mampu mengurangkan kes-kes di mahkamah sekali gus mengurangkan kerugian dari segi produktiviti.

“Penimbang tara perlu memainkan peranan dengan berkesan bagi memastikan pertikaian dapat diselesaikan supaya ia tidak perlu dirujuk ke mahkamah ataupun ke Tribunal Penimbang Tara,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya pada Majlis Ulang Tahun Persidangan Pusat Penimbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA) Ke-30 di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun

Razak.

Turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim, Setiausaha Agung Pertubuhan Perundingan Undang-Undang Asia-Afrika, Dr. Wa-fik Z. Kamil dan Pengarah KLRCA, Datuk Noorashikin Tan Sri Abdul Rahim.

Perdana Menteri menambah, usaha-usaha juga perlu dilaksanakan untuk memperkaya keupayaan serta pengalaman penimbang tara.

Abdullah menambah, kerajaan sentiasa menggalakkan pertikaian komersial dirujuk kepada penimbang tara.

Ujarnya, sokongan kerajaan terhadap tugas-tugas penimbang tara ialah dengan meluluskan Akta Penimbang Tara 2005 yang membolehkan sistem tersebut dapat diguna pakai dengan meluas di negara ini dan serantau.

Beliau berkata, KLRCA juga perlu membina keupayaan agar ia dapat memenuhi permintaan pelanggan.